

SOALAN NO. : 161

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]
TARIKH : KHAMIS, 12 JUN 2014

SOALAN :

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kenapakah Kementerian mengenakan caj yang amat tinggi ke atas lesen menembak ayam hutan dan haiwan yang sejenis dengannya sedangkan pada masa yang sama kegagalan Kementerian untuk menangani pemburu-pemburu haram.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian menerusi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) adalah bertanggungjawab memastikan spesies hidupan liar di negara ini diuruskan secara lestari. Spesies Ayam Hutan (*Gallus gallus*) dan hidupan liar lain sejenisnya adalah hidupan liar disenaraikan di bawah Jadual Pertama, Bahagian 1 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dan merupakan spesies buruan. Fi bagi memburu spesies ini adalah tidak mahal iaitu sebanyak RM10.00 sahaja bagi setiap ekor seperti dalam Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Fi Lesen, Permit dan Permit Khas) (Pindaan) 2013.

Di bawah Akta 716, sejumlah 2,005 kes perlanggaran akta telah direkodkan sejak ia dikuatkuasakan pada 28 Disember 2010 hingga April 2014. Daripada jumlah keseluruhan kes tersebut, sebanyak 47 kes melibatkan pemburuan haram berjaya dipatahkan. Akta 716 ini juga telah mengenakan hukuman dan denda yang sangat berat sehingga RM500,000.00 dan penjara selama 5 tahun bagi kesalahan-kesalahan memiliki hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas.

Sekian, terima kasih.